



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

LIMPAHAN CAHAYA BIRU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN SEBAGAI PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN NEGARA

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bakal melaksanakan program penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus berkhidmat untuk rakyat Malaysia dalam menangani wabak coronavirus (COVID-19). Program yang dikenali sebagai *Light It Blue* atau Limpahan Lampu Biru ini bakal diadakan bermula 30 April sehingga 3 Mei 2020 dari 10.30 malam hingga 1.00 pagi.

Tujuan utama program ini adalah untuk mengucapkan jutaan terima kasih terhadap pengorbanan, kecekalan, kesungguhan, jasa dan keringat pasukan barisan hadapan baik di sektor awam, swasta mahupun sukarelawan yang bertugas tanpa sempadan memerangi wabak COVID-19 untuk rakyat Malaysia. Ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan menzahirkan tanda penghargaan dan solidariti kepada semua petugas barisan hadapan negara khususnya di Wilayah Persekutuan.

Bagi WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, kekuatan petugas barisan hadapan termasuk petugas kesihatan dan keselamatan adalah berjumlah 13,126 orang. Manakala di WP Labuan pula adalah seramai 1,272 orang. Ini termasuk petugas dari KWP, Majlis Keselamatan Negara, DBKL, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain lagi. Jumlah ini tidak termasuk petugas perubatan dan bukan perubatan di sektor swasta, para sukarelawan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pelaksanaan program *Light It Blue* ini melibatkan bangunan-bangunan ikonik dan jalan-jalan protokol di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pemilihan warna biru adalah kerana ia merupakan warna rasmi bidang perubatan yang membawa maksud kredibiliti, pengetahuan, kepercayaan dan fokus. Sebanyak 38 bangunan dan kawasan terpilih dinyalakan

dengan lampu biru ini sebagai simbolik penghargaan seluruh rakyat Malaysia kepada petugas barisan hadapan.

Orang ramai juga digalakkan untuk memasang lampu biru di kediaman masing-masing tetapi bukan satu kewajiban memandangkan semua pihak perlu mematuhi arahan semasa PKP. Namun orang ramai boleh berkongsi kreativiti mereka di laman sosial menggunakan *hashtag* #LightItBlueWP dan #LimpahanLampuBiruWP. Ini sebagai tanda sokongan kepada pasukan barisan hadapan serta diri sendiri yang mengamalkan norma budaya kehidupan baharu, penjarakan sosial dan mengelakkan perkumpulan beramai-ramai dalam memutuskan rantai wabak COVID-19 ini.

Semoga pasukan barisan hadapan negara terus tabah, berdedikasi dan mengekalkan kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada para pesakit. Kita perlu menang dalam misi ini dan pasti menang sekiranya semua rakyat bekerjasama untuk kekal berada di rumah dalam mengekang penularan wabak COVID-19 ini.

TAN SRI TPr ANNUAR BIN HJ MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
29 April 2020

Lokasi Program *Light It Blue* Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

WP Kuala Lumpur

a) Bangunan Kerajaan :

1. Menara 1 dan Menara 3 DBKL
2. Dataran Merdeka
3. Saloma Link
4. Kolam Biru - River Of Life
5. 4 lokasi skrin ITIS
 - Jalan Raja Laut
 - Jalan Damansara (hadapan Hotel Majestic)
 - Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru)
 - Lebuhraya Timur Barat (dari Taman Connought ke KL)
6. Stadium Nasional Bukit Jalil

b) Bangunan Kormesial :

1. Menara KLCC
2. Menara TRX
3. Menara MRCB
4. Merana KPJ
5. Menara AmBank
6. Menara Maybank
7. Hotel Platinum

c) Masjid :

1. Masjid Negara
2. Masjid Wilayah
3. Masjid Al Bukhary, Jalan Hang Tuah
4. Masjid Ibn Khaldun, Sungai Besi

WP Putrajaya:

a) Bangunan Kerajaan:

1. Bangunan Perdana Putra (Pejabat Perdana Menteri)
2. Kompleks Perbadanan Putrajaya
3. Kementerian Komunikasi dan Multimedia
4. Kementerian Belia dan Sukan
5. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
6. Kementerian Pengangkutan
7. Menara Seri Wilayah
8. Bangunan Suruhanjaya Pilihan Raya

b) Bangunan Komersial :

1. Pusat Konvensyen dan Persidangan Antarabangsa Putrajaya
2. Zenith Hotel
3. Galeria PJH

c) Jambatan :

1. Jambatan Putra
2. Jambatan Seri Wawasan
3. Jambatan Seri Saujana

WP Labuan:

a) Bangunan Kerajaan :

1. Wisma Perbadanan Labuan
2. UTC Labuan (LED Billboard)
3. Dataran Labuan (Arca I Love Labuan)
4. Labuan Walk

b) Jalan Utama :

1. Jalan Merdeka
2. Jalan Dewan (Giant LED Billboard)